

10000011917

FUNGSI DAN PERANAN REKAHIAS
PERMUKAAN DEPAN KEDAI (SHOPFRONT)

MAT DIN DIN MAT IAIL

No. Metrik : 88126614

Diploma Senilukis dan Senireka (grafik)

KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

, 1992

Y. M. Raja Zahabuddin Raja Yaacob yang telah bersusah payah membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan tesis ini. Tidak ketinggalan juga kepada En. Mohd. Aris Abdullah yang telah 'mencelikkan' pandangan dalam mencari arah pengkajian saya ini.

Di sini juga saya ingin merakamkan rasa penghargaan yang tinggi kepada semua orang perseorangan yang terlibat dalam penyelidikan saya dan kepada semua organisasi yang telah membantu dalam mendapatkan maklumat-maklumat yang saya perlukan. Antaranya ialah pusat-pusat membeli belah seperti Lot 10, Bukit Bintang Plaza, Komplek Pertama, The Mall dan lain-lain, juga kepada pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak ITM (PTAR-ITM), Perpustakaan Awam Shah Alam dan Arkib Negara Malaysia.

Seterusnya terima kasih kepada semua pensyarah di jabatan Senireka Grafik dan Kajian Senilukis dan Senireka yang telah banyak mencurahkan ilmu dan kepakaran sepanjang saya berada di kajian ini.

Buat teman-teman seperjuangan yang banyak membantu memberikan cadangan dan idea-idea yang bernas serta komen dan sebagainya diucapkan jutaan terima kasih.

Buat semua, budi dan jasa kalian pastinya tidak akan hamba lupakan. Sekian.

SINOPSIS

Bermula dengan satu tekad untuk menarik pelanggan menghampiri, memasuki kedai dan membeli sesuatu barangan samada keperluan atau kerana sebab-sebab lain, tercetusnya satu perkembangan yang sungguh hebat dalam bidang perniagaan iaitu merekabentuk permukaan depan kedai (shopfront) supaya lebih menarik perhatian orang ramai. Sememangnya ia merupakan satu strategi untuk melariskan barangan jualan disesebuah kedai. Merekabentuk dan mengubah suai elemen-elemen 'shopfront' supaya kelihatan lebih menarik merupakan satu usaha yang amat perlu untuk diberi perhatian.

Kaedah pengkajian adalah berdasarkan kepada pengumpulan maklumat melalui proses temubual dan perbincangan dengan orang-orang

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Penghargaan	i
Sinopsis	iii
Kandungan	vi
Senarai sisipan	viii
Senarai gambar / rajah	ix
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Seni dan Estetika	3
1.3 Perniagaan dan Seni	5
BAB 2 : PERMUKAAN DEPAN KEDAI (SHOPFRONT)	
2.1 Maksud 'shopfront'	6
2.2 Jenis-jenis rekabentuk 'shopfront'	8
2.3 Faktor-faktor pengaruhi rekabentuk 'shopfront'	15
BAB 3 : REKA HIAS PERMUKAAN DEPAN KEDAI (SHOPFRONT)	
3.1 Elemen-elemen reka hias 'shopfront'	19
3.2 Peragaan	20
3.3 Warna	23
3.3.1 Pemilihan warna	24
3.4 Simbol dan papan tanda kedai	28
3.4.1 Komunikasi simbol	28
3.4.2 Jenis-jenis simbol dan papan tanda kedai	29

1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara dunia ketiga yang mengalami proses pertumbuhan pembangunan yang pesat. Bermula dari sinilah suasana seluruh lapisan masyarakat Malaysia mula berubah. Mereka mula mengikut arus pembangunan dan sentiasa peka kepada suasana kehidupan yang sentiasa berubah dan mengikut 'trend' terutama dalam aspek kehidupan harian. Dari keadaan tersebut lahirlah satu budaya yang amat popular terutama golongan wargakota iaitu 'shopping'. Budaya ini diperhebatkan lagi dengan pertumbuhan pusat-pusat membeli belah dengan pesatnya di ibukota seperti kompleks Pertama, Bukit Bintang Plaza,